



NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 59

3hb Ogos 2006

No. 16

---

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960  
(Akta 530)

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960  
(Act 530)

**No. 284.**

[Subseksyen 44(1)]

PEMBERHENTIAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK

[Subsection 44(1)]

TERMINATION OF A GROUP SETTLEMENT AREA

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 44(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530], Pihak Berkuasa Negeri setelah berunding dengan Menteri, mengisyiharkan bahawa tanah yang dinyatakan dalam Jadual dan ditanda dengan sempadan berwarna kelabu dalam Pelan Warta No. PW. 1970, PW. 1971, PW. 1972, PW. 1973, PW. 1974, PW. 1975, PW. 1976, PW. 1977, PW. 1978, PW. 1979, PW. 1980 dan PW. 1981 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan tidak lagi menjadi sebahagian daripada kawasan penempatan berkelompok yang dikenali sebagai Kawasan Rancangan Tanah Bukit Rokan sebagaimana yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* No. 133 pada 23 April 1970.

## JADUAL

Daerah—Tampin. Mukim—Gemencheh. Keluasan—170.58 hektar. Nama Rancangan—Kawasan Rancangan Tanah Bukit Rokan. No. Pelan Warta—PW. 1970, PW. 1971, PW. 1972, PW. 1973, PW. 1974, PW. 1975, PW. 1976, PW. 1977, PW. 1978, PW. 1979, PW. 1980 dan PW. 1981.

Bertarikh 3 Mei 2006  
[PTT. 353/5/99/29]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

# WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

628

[3hb Ogos 2006]

In exercise of the powers conferred by subsection 44(1) of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*], the State Authority in consultation with the Minister, declares that the land described in the Schedule and delineated by grey borders in *Gazette Plan No. PW. 1970, PW. 1971, PW. 1972, PW. 1973, PW. 1974, PW. 1975, PW. 1976, PW. 1977, PW. 1978, PW. 1979, PW. 1980 and PW. 1981* which are deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Negeri Sembilan shall cease to be part of the group settlement area known as the Bukit Rokan Land Scheme as published *vide* Negeri Sembilan Government *Gazette* No. 133 on 23 April 1970.

## SCHEDULE

District—Tampin. Mukim—Gemencheh. Area—170.58 hectares. Name of Scheme—Bukit Rokan Land Scheme. *Gazette Plan No.—PW. 1970, PW. 1971, PW. 1972, PW. 1973, PW. 1974, PW. 1975, PW. 1976, PW. 1977, PW. 1978, PW. 1979, PW. 1980 and PW. 1981*.

Dated 3 May 2006  
[PTT. 353/5/99/29]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council  
Negeri Sembilan*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

## No. 285.

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara 1965 [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Mohd Akhyar bin Sabtu, Penolong Pegawai Tanah (Gred NT17) sebagai Pegawai Penempatan bagi Daerah Port Dickson berkuat kuasa mulai 16 Disember 2005.

Bertarikh 24 Mei 2006  
[PDPD 346(01)378/61]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code 1965 [56 of 1965], the State Authority has appointed Encik Mohd Akhyar bin Sabtu, Assistant Land Officer (Grade NT17) to be a Settlement Officer for the District of Port Dickson with effect from 16 December 2005.

Dated 24 May 2006  
[PDPD 346(01)378/61]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council  
Negeri Sembilan*

**No. 286.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH-TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LANDS FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Tampin. Pekan—Tampin Tengah. No. Pelan *Akui*—PA 05-029274. No. Lot—7254 dan 7255. Keluasan—1971 meter persegi.

Bertarikh 3 Julai 2006  
[PTT 370/124/2006/1; PTG. NS 1/7/3/74]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for an open space and designates that the State Secretary of Negeri Sembilan shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Tampin. Village—Tampin Tengah. *Certified* Plan No.—CP 05-029274. Lot No.—7254 and 7255. Area—1971 square metres.

Dated 3 July 2006  
[PTT 370/124/2006/1; PTG. NS 1/7/3/74]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

## WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

630

[3hb Ogos 2006]

### No. 287.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

#### JADUAL

Daerah—Tampin. Pekan—Tampin Tengah. No. Pelan *Akui*—PA 40270. No. Lot—1329. Keluasan—12812 meter persegi.

Bertarikh 3 Julai 2006

[PTT 370/123/2006/1; PTG. NS 1/7/3/74]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for an open space and designates that the State Secretary of Negeri Sembilan shall have control of the reserved land.

#### SCHEDULE

District—Tampin. Village—Tampin Tengah. *Certified* Plan No.—CP 40270. Lot No.—1329. Area—12812 square metres.

Dated 3 July 2006

[PTT 370/123/2006/1; PTG. NS 1/7/3/74]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

### No. 288.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, tapak untuk tanah perkuburan Hindu dan menetapkan bahawa Pegawai Daerah Jempol hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Jempol. Mukim—Serting Ulu. No. Pelan *Akui*—PA 73481. No. Lot—12874. Keluasan—1.2 hektar.

Bertarikh 3 Julai 2006  
[PTJL 353/929/81; PTG. NS 1/7/7/192]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for a Hindu cemetery and designates that the District Officer of Jempol shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Jempol. Mukim—Serting Ulu. *Certified* Plan No.—CP 73481. Lot No.—12874. Area—1.2 hectares.

Dated 3 July 2006  
[PTJL 353/929/81; PTG. NS 1/7/7/192]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

**No. 289.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, tapak untuk pejabat dan rumah kakitangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut.

JADUAL

Daerah—Jempol. Bandar—Serting. No. Pelan *Akui*—PA 71780. No. Lot—1609. Keluasan—13428 meter persegi.

Bertarikh 4 Julai 2006  
[PTJL 370/3/91/07; PTG. NS 1/7/7/192]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for an office and living quarters for the Department of Wildlife and National Parks and designates that the State Secretary of Negeri Sembilan shall have control of the reserved land.

#### SCHEDULE

District—Jempol. Town—Serting. *Certified Plan No.—CP 71780. Lot No.—1609.*  
Area—13428 square metres.

Dated 4 July 2006  
[PTJL 370/3/91/07; PTG. NS 1/7/7/192]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council  
Negeri Sembilan*

#### No. 290.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut dan bahawa tanah rizab tersebut hendaklah disenggara oleh Majlis Daerah Jempol.

#### JADUAL

Daerah—Jempol. Mukim—Bahau. No. Pelan *Akui—PA 33084. No. Lot—3434.*  
Keluasan—2262 meter persegi.

Bertarikh 4 Julai 2006  
[PTJL 370/21/99/12; PTG. NS 1/7/3/74Dupl]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority reserves the land described in the Schedule for a public purpose, that is, a site for an open space and designates that the State Secretary of Negeri Sembilan shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the District Council of Jempol.

SCHEDULE

District—Jempol. Mukim—Bahau. *Certified Plan No.—CP 33084. Lot No.—3434. Area—2262 square metres.*

Dated 4 July 2006  
[PTJL 370/21/99/12; PTG. NS 1/7/3/74Dupl]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council  
Negeri Sembilan*

**No. 291.**

(Seksyen 64)

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

(Section 64)

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahwasanya, melalui Pemberitahuan No. 201 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* pada 9 Mei 1963, Raja dalam Mesyuarat, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah [*Bab 138*], telah mengisyiharkan bahawa tanah Lot 2305, Mukim Ampang Tinggi, Daerah Kuala Pilah seluas 36.45 pole dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil No. PA 18193 yang disimpan di Pejabat Ukur Hasil, Negeri Sembilan menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu tapak Madrasah dan di bawah jagaan Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan:

Dan bahwasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya keseluruhan perizaban tersebut yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Dan bahwasanya, notis mengenai cadangan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang disebut terdahulu telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* No. 789 pada 4 November 2004:

Dan bahwasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang disebut terdahulu:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 64 Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

JADUAL

Daerah—Kuala Pilah. Mukim—Ampang Tinggi. No. Pelan *Akui*—PA 18193. Keluasan—36.45 pole. No. Lot—2305.

Bertarikh 11 Julai 2006  
[PTKP 353/241/94/01;  
PTG. NS 1/2/2/189]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Sembilan*

# WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

634

[3hb Ogos 2006]

---

Whereas, by Notification No. 201 published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* on 9 May 1963, the Ruler in Council in exercise of the powers vested by subsection 24(i) of the Land Code [*Cap. 138*], had proclaimed that the land being Lot 2305, Mukim Ampang Tinggi, District of Kuala Pilah having an area of 36.45 poles and delineated upon Revenue Survey Plan No. CP 18193, which is deposited in the Office of Revenue Survey, Negeri Sembilan to be a reserve for a public purpose, that is a site for a Madrasah to be maintained by the Director of the Islamic Religious Affairs Department, Negeri Sembilan:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal of the State Authority as aforesaid was published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* No. 789 on 4 November 2004:

And whereas, no objection to the proposal of the State Authority as aforesaid was received:

Now therefore, in exercise of the powers conferred by section 64 of the National Land Code [*56 of 1965*], the State Authority revokes the whole of the aforesaid reservation.

## SCHEDULE

District—Kuala Pilah. Mukim—Ampang Tinggi. *Certified* Plan No.—CP 18193.  
Area—36.45 poles. Lot No.—2305.

Dated 11 July 2006  
[PTKP 353/241/94/01;  
PTG. NS 1/2/2/189]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

## No. 292.

[Subseksyen 64(2)]

## NOTIS-NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAK SUD AWAM

[Subsection 64(2)]

## NOTICES OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 568 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* pada 2 Ogos 2001, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan bahawa petak tanah Lot 13771 di Mukim Setul, Daerah Seremban seluas 1726 meter persegi yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Akui No. 38997 yang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil, Seremban Negeri Sembilan menjadi suatu rizab tapak Tangki Air di bawah kawalan Pengarah Jabatan Bekalan Air, Negeri Sembilan:

Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun itu, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban itu dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan di Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri, Seremban pada bila-bila masa waktu pejabat dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL

Daerah—Seremban. Mukim—Setul. No. Pelan *Akui*—PA 38997. No. Lot—13771. Keluasan—1726 meter persegi.

Bertarikh 23 Mac 2006  
[PTS.(Caw. Nilai)370/119/02/08]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification No. 568 published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* on 2 August 2001, the State Authority in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [56 of 1965], proclaimed that the land being Lot 13771 situated in the Village of Setul, District of Seremban having an area of 1726 square metres described in the Schedule and delineated upon *Certified* Plan No. CP 38997 and deposited in the office of the Superintendent of Revenue Surveys, Seremban, Negeri Sembilan, to be a site for a Water Tank, under the control of the Director of the Water Supply Department, Negeri Sembilan:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the said Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the said Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, at an enquiry to be held at the office of the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, Blok A, 4th Floor, Wisma Negeri, Seremban at any time during office hours within 30 days from the date publication of this Notification in the *Gazette*.

SCHEDULE

District—Seremban. Village—Setul. *Certified* Plan No.—CP 38997. Lot No.—13771. Area—1726 square metres.

Dated 23 March 2006  
[PTS.(Caw. Nilai)370/119/02/08]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

**No. 293.**

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 97 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* pada 5 Mac 1909, Residen British pada menjalankan kuasa yang diberikan padanya oleh seksyen 8 Enakmen Tanah 1903 telah mengisyiharkan bahawa petak tanah Lot 335, Mukim Seremban, Daerah Seremban seluas 0.537 ekar dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil No. 702 yang disimpan di Pejabat Pengguna Ukur Hasil, Seremban, Negeri Sembilan menjadi suatu rizab bagi maksud Rizab Kuari di bawah penyenggaraan Jurutera Negeri:

Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun yang sama, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban itu dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan di Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri, Seremban pada bila-bila masa waktu pejabat dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

**JADUAL**

Daerah—Seremban. Mukim—Seremban. No. Pelan —702. No. Lot—335.  
Luas—0.537 ekar.

Bertarikh 10 April 2006  
[PTS 353/517/00/07;  
PTG. NS 1/2/1684]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification No. 97 published in the Negeri Sembilan Government Gazette on 5 March 1909, the British Resident, in exercise of the powers conferred by section 8 the Land Enactment 1903 had proclaimed that the parcel of land being Lot 335, Mukim Seremban, District of Seremban having an area of 0.537 acre and delineated upon revenue survey plan No. 702 and deposited in the Office of the Superintendent of Revenue Surveys, Seremban, Negeri Sembilan, to be a reserve for the purpose of a Quarry Reserve to be maintained by the State Engineer:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the same Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the said Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, at an enquiry to be held at the Office of the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, Blok A, 4th Floor, Wisma Negeri, Seremban at any time during office hours

within 30 days from the date of the publication of this Notification in the *Gazette*.

SCHEDULE

District—Seremban. Mukim—Seremban. Plan No.—702. Lot No.—335. Area—0.537 acre.

Dated 10 April 2006  
[PTS 353/517/00/07;  
PTG. NS 1/2/1/1684]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council  
Negeri Sembilan*

**No. 294.**

Bahwasanya, melalui Pemberitahuan No. 744 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* pada 7 Disember 1989, Pihak Berkuasa Negeri, pada menjalankan kuasa yang terletak hak padanya oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], telah mengisyitiharkan bahawa Lot No. 2274 di Mukim Pantai, Daerah Seremban seluas 5.413 hektar dan ditandakan di atas Pelan Akui No. PA 21325 dan disimpan di Pejabat Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan menjadi suatu rizab tapak membuang sampah dan di bawah jagaan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Seremban:

Dan bahwasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun yang sama, Pihak Berkuasa Negeri memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban itu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan, dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan di Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri, Seremban pada bila-bila masa waktu pejabat dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL

Daerah—Seremban. Mukim—Pantai. No. Pelan Akui—PA 21325. No. Lot—2274. Keluasan—5.413 hektar.

Bertarikh 11 Julai 2006  
[PTS 370/156/05/04;  
PTG. NS. 1/4/1/249k]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification No. 744 published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* on 7 December 1989, the State Authority of Negeri Sembilan in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [56 of 1965], proclaimed that the parcel of land being Lot No. 2274 in the Mukim of Pantai, District of Seremban having an area of 5.413 hectares and delineated upon *Certified Plan* No. CP 21325 and deposited in the Office of Survey and Mapping, Negeri Sembilan, to be a reserve for a public purpose, to wit, a

site for a dumping ground reserve and to be maintained by the President of the Municipal Council of Seremban:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the same Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the said Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, at an enquiry to be held at the Office of the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, Blok A, 4th Floor, Wisma Negeri, Seremban at any time during office hours within 30 days from the date of the publication of this Notification in the *Gazette*.

#### SCHEDULE

District—Seremban. Mukim—Pantai. *Certified* Plan No.—CP 21325. Lot No.—2274. Area—5.413 hectares.

Dated 11 July 2006  
[PTS 370/156/05/04;  
PTG. NS. 1/4/1/249k]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

#### No. 295.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

(Section 261)

SUMMONS TO THE CHARGOR TO ATTEND ENQUIRY

Kepada Tetuan Term Properties Sdn Bhd., yang beralamat di 1st Floor, 275 Jalan Haruan 1, Oakland Industrial Park, 70200 Seremban, Negeri Sembilan penggadai dalam gadaian yang disebut dalam Jadual bagi tanah yang diperlukan dalamnya:

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965]:

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan itu di Pejabat Tanah Tampin, Negeri Sembilan pada hari Rabu, 20 September 2006 jam 10.00 pagi:

Maka, oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah jual yang disebut terdahulu tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim	No. Lot	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian Tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
G.M.					
Keru	699	531	Semua	Tiada	No. Perserahan 476/2001
Keru	712	532	Semua	Tiada	No. Perserahan 476/2001

(Dua Hakmilik sahaja)

Bertarikh 23 Jun 2006  
[PTT. 369/4/2006/1]  
*Daerah*

NORAZAH BINTI ZAINAL  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*Tampin*

To Tetuan Term Properties Sdn. Bhd., whose address is at 1st Floor, 275 Jalan Haruan 1, Oakland Industrial Park, 70200 Seremban, Negeri Sembilan as chargor under the charge specified in the Schedule of the land in the title described therein:

Whereas I have received an application for an order for sale from the chargee of the said charge under subsection 260(2) of the National Land Code [56 of 1965]:

And whereas I propose to have an enquiry in relation to the said application at the Land Office, Tampin, Negeri Sembilan on Wednesday, 20 September 2006 at 10.00 a.m.

# WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

640

[3hb Ogos 2006]

Now, therefore, pursuant to paragraph 261(1)(c) of the National Land Code, you are hereby requested to attend the enquiry and state the reasons why the aforesaid order for sale should not be made.

## SCHEDULE OF LAND AND INTEREST

Mukim	Lot No.	Description and No. of Title	Share of Land (if any)	Registered No. of Lease/Sub-lease (if any)	Registered No. of Charge (if any)
G.M.					
Keru	699	531	All	Nil	Pre. No. 476/2001
Keru	712	532	All	Nil	Pre. No. 476/2001

(Two Titles only)

Dated 23 June 2006  
[PTT. 369/4/2006/1]

NORAZAH BINTI ZAINAL  
*Assistant District Land Administrator*  
*Tampin*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
KUALA LUMPUR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA